

# SPKAL KOMPETITIF DALAM PENGURUSAN PERNIAGAAN ANTARABANGSA



Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) telah mula beroperasi pada bulan Mei 1999 dengan pengambilan pelajar kumpulan pertama seramai 356 orang dan pada tahun 2011 bilangan pelajar meningkat kepada 1624 orang. SPKAL menawarkan 5 program Sarjana muda dalam bidang-bidang Kewangan Antarabangsa, Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir, Pemasaran Antarabangsa, Ekonomi Kewangan Antarabangsa dan Kewangan Islam. Prof. Madya Dr. Norazah Mohd. Suki merupakan Pemangku Dekan SPKAL. SPKAL bertekad untuk melahirkan modal insan terlatih dan kompetitif dalam bidang pengurusan perniagaan antarabangsa. Fokus struktur program akademik yang ditawarkan SPKAL ialah pengurusan perniagaan antarabangsa yang berteraskan kepada teori dan amalan semasa serta disokong oleh kemahiran aplikasi teknologi maklumat dan multimedia. SPKAL sentiasa berusaha menjalankan hubungan baik dengan sektor industri, kerajaan dan masyarakat di peringkat nasional dan antarabangsa demi untuk kemajuan sekolah. SPKAL telah mengadakan Memorandum Persefahaman (MOU) bersama Labuan Financial Services Authority (Labuan

FSA) dan yang terbaru sekali akan mengadakan Memorandum persefahaman (MOU) bersama TMF Trust (Labuan) Ltd. Perbincangan awal telah dilaksanakan.

Kakitangan akademik SPKAL telah bekerjasama dengan penyelidik dari universiti tempatan dan luar negara untuk meluaskan lagi jaringan penyelidikan. SPKAL telah melakar kejayaan yang tinggi dalam permohonan geran penyelidikan seperti Fundamental Research Grant

Scheme (FRGS). Pada tahun 2011, terdapat 6 projek penyelidikan yang masih aktif yang dikenai oleh kakitangan SPKAL dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM 444,043.00. Antara bidang utama penyelidikan yang dikenai pasti adalah seperti bidang E-Pemasaran, E-Perniagaan, Kewangan Antarabangsa, Kewangan Islam dan Perniagaan Antarabangsa. Hasil penyelidikan juga telah diterbitkan di dalam jurnal nasional dan antarabangsa. SPKAL telah menerbitkan sebanyak 200 dokumen yang merangkumi buku, buku disunting, bab dalam buku dan artikel dalam jurnal berwacan. SPKAL juga berusaha mengukuhkan kualiti penerbitan dengan menerbitkan 14 artikel dalam jurnal yang diindekskan oleh ISI/WOS selain daripada SCOPUS. Prof. Madya Dr. Norazah Mohd. Suki, Dr. Lim Kian Ping antara penyumbangnya. Prof. Madya Dr. Norazah Mohd. Suki juga telah melebarkan jaringan pihak SPKAL dengan pihak luar dengan menjadi pemeriksa tesis tesis PhD dari universiti tempatan dan luar negara. Di antara anugerah yang diterima oleh kakitangan SPKAL adalah seperti Prof. Madya Dr. Norazah Mohd. Suki telah menjadi Penerima Insentif Pembentangan Kertas Kerja Terbaik Persidangan Peringkat Antarabangsa

dan juga menjadi penerima Anugerah Perak dan Anugerah Gangsa dalam PEREKA 2011. Disamping itu Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal mendapat Anugerah Emas dalam PEREKA 2011 dan juga menjadi Perundingcara Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) untuk program pengusaha IKS tempatan dan MQA Accessor Panel (Bidang Pemasaran).

Mahasiswa/i SPKAL cemerlang dalam bidang akademik dan juga bukan akademik seperti di antaranya menjadi Johan dalam Pertandingan Futsal, mewakili Labuan ke pertandingan Pidato 1 Malaysia, senarai pendek dalam BSN Social Venture Challange dan banyak lagi. Mahasiswa/i yang bergraduat dari SPKAL mempunyai banyak peluang kerjaya di organisasi tempatan dan luar negara. Antara peluang kerjaya yang boleh diceburi kelak adalah seperti dalam bidang Perbankan, Kewangan, Perakaunan, Pengurusan, dan Pendidikan bagi Program Kewangan Antarabangsa (HE19). Bagi Program Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir (HE20) para graduan berpeluang menceburkan diri dalam sektor perkhidmatan awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan, dan sektor industri kewangan dalam Negara dan antarabangsa dan banyak lagi. Dalam Program Pemasaran Antarabangsa (HE21), pelajar berpeluang bekerja dalam sektor perbankan, Multinational Companies (MNCs) dan sektor awam dan sektor swasta.

Program Ekonomi Kewangan Antarabangsa (HE22) menawarkan peluang-peluang kerjaya dalam bidang seperti perbankan, pengurusan aset, insuran, penganalisis pengurusan pemasaran, penganalisis kewangan, konsultant polisi awam dan dalam aktiviti pelaburan seperti; unit trust, pendidikan, kajian dan penyelidikan, pembantu penyelidik, konsultant ekonomi dan Pengurus pembelian. Bagi Program Kewangan Islam (HE23), mereka berpeluang untuk bekerja dalam bidang-bidang seperti konsultan penasihat Shariah, pembiayaan produk

kewangan Islam, pengurusan produk Takaful, juruaudit Shariah; e-perbankan Islam, teknologi maklumat, penyelian risiko dan lain-lain. Jumlah pelajar SPKAL yang akan bergraduat pada Majlis Konvokesyen ke 13 pada tahun 2011 adalah seramai 483 orang. Berikut adalah pecahan jumlah pelajar yang bergraduat mengikut program:

PROGRAM	JUMLAH
Program Kewangan Antarabangsa - HE19	101
Program Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir - HE20	106
Program Pemasaran Antarabangsa - HE21	101
Program Ekonomi Kewangan Antarabangsa - HE22	107
Program Kewangan Islam - HE23	68
Jumlah	483

Untuk memenuhi keperluan pelanggan, SPKAL menyediakan beberapa kemudahan dan prasarana yang dapat digunakan bersama oleh pelajar dan kakitangan. Antara kemudahan tersebut adalah Advance Research Lab; Investment Lab; Advertising and Information Lab; Perpustakaan Mini; Ruang Pembelajaran berpusat dan Bilik Mesyuarat.

Untuk maklumat lanjut, SPKAL boleh dihubungi melalui:  
 Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL)  
 Universiti Malaysia Sabah  
 Kampus Antarabangsa Labuan  
 Jalan Sungai Pagar, 87000 W.P Labuan  
 Tel:+6 087 460486 / +6 087 466742  
 Fax: +6 087 460477